

23/02/2003

Langkawi Lagoon Resort Hotel tunggu tetamu istimewa

Badrila Jamlus

PADA 1 Mac ini, Langkawi Lagoon Resort Hotel (Langkawi Lagoon), hotel bertaraf lima bintang mencatat satu lagi sejarah apabila menerima kunjungan tetamu istimewa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri bukan saja melakukan upacara perasmian hotel kelas pertama itu, malah berpeluang melihat pertandingan memancing anjuran Joran, sisipan akhbar Berita Harian.

Selain Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay dan MK Land Holdings Bhd (MK Land), Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, beberapa tetamu istimewa dijadualkan hadir termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan beberapa exco kerajaan negeri.

Memang seronok, sambil menikmati secawan teh tetamu berpeluang menghayati keindahan pemandangan matahari sedang terbenam di tepi laut tentunya sungguh mengasyikkan apatah lagi ketika anda sedang beristirahat bersama keluarga.

Suasana begini tentu sekali sukar digambarkan dengan kata-kata dan hanya boleh dinikmati sekiranya anda berpeluang menghabiskan masa berkunjung ke Langkawi Lagoon.

Bagi mereka yang pertama kali tiba di pusat peranginan ini, ada tiga jenis penginapan ditawarkan iaitu suite hotel Beach Front, villa laut, D'Villas dan D'Bungalow, pastinya memberi pengalaman baru kepada pengunjung sama ada dalam atau luar negara.

Sekiranya mahu mencari kelainan pengunjung boleh memilih untuk menginap di D'Villas dan D'Bungalow yang dibina berdasarkan ciri perkampungan Melayu atas air dengan tiga keluasan bilik berbeza.

Langkawi Lagoon menawarkan 96 unit bilik suite dan suite junior dengan pemandangan laut atau taman manakala 78 unit di villa laut manakala empat unit bagi bilik penginapan D'Bungalow yang pastinya menjanjikan kedamaian dan keselesaan sepanjang masa.

Keunikan sebenar rumah atas air bercirikan gabungan tradisional dan moden itu boleh diketahui selepas anda mula melangkah masuk ke bilik penginapan.

Ini kerana ruang tamunya cukup luas dan selesa, dilengkapi perabot ringkas serta dapur elektrik dengan kemudahan ketuhar gelombang mikro dan peti sejuk.

Kemudahan yang disediakan itu tentu sekali memberi keselesaan bagi mereka yang berkeluarga atau memilih untuk memasak sendiri di bilik hotel sekali gus mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama sendiri.

Dua bilik tidur yang terletak di tingkat atas villa laut itu cukup

selesa, seolah-olah anda sedang tinggal di rumah berkembar dua tingkat dengan bilik utama dilengkapi bilik air serta beranda yang sudah tersedia

dengan bangku dan meja kecil.

Keseronokan tinggal di D'Villa ini lebih terasa pada waktu malam kerana anda akan mendengar dengan jelas bunyi kocakan dan percikan air oleh ikan yang berenang di gigi laut yang tertarik dengan cahaya lampu di sekeliling rumah atas air itu.

Suasana itu berterusan hingga ke awal pagi kadang kala menyebabkan anda teringin untuk menghulurkan batang pancing di tepi beranda ruang tamu khususnya anda yang memang seorang kaki pancing.

Walaupun villa laut itu terletak agak jauh dari lobi utama hotel, pengunjung boleh mendapatkan perkhidmatan kereta 'buggy' yang sedia menunggu panggilan tidak mengira masa selain layanan mesra kakitangan hotel yang tidak pernah jemu melayan tetamu.

Langkawi Lagoon yang terletak di barat pulau itu, hanya mengambil masa lima minit perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi adalah milik Tema Teladan Sdn Bhd dan diuruskan Pujaan Pasifik Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan MK Land Holdings Berhad (MK Land).

Kedudukan hotel itu juga strategik kerana terlindung daripada gelombang laut berikutan terbinanya benteng penghadang laut yang terletak agak jauh di tengah laut selain hampir dengan beberapa pusat pelancongan terkemuka seperti Underwater World Langkawi, pantai Cenang, Litar Go-Kart Antarabangsa dan tarikan terbaru di pulau itu ialah kereta kabel.

Perjalanan dari hotel ke Oriental Village yang menempatkan perkhidmatan Cable Car hanya mengambil masa kira-kira 20 minit manakala perjalanan menaiki kereta kabel ke gunung Mat Cincang setinggi 708 meter dari paras laut adalah kira-kira 15 minit.

Apabila tiba di puncak anda dapat melihat dengan jelas keindahan Telaga Tujuh, Pantai Kok, laut Andaman, sebahagian pulau di Thailand dan reka bentuk batu-batan unik yang dianggarkan berusia lebih 450 juta tahun.

Selain kolam renang, jakuzi, gimnasium, spa dan jetski, Langkawi Lagoon juga menawarkan kemudahan berbasikal untuk tetamunya ke pusat rekreasi di

Sungai Melaka untuk melihat dengan lebih dekat kegiatan dan kegiatan harian nelayan di kuala itu.

Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata pihaknya bercadang memajukan kawasan sekitar kuala Sungai Melaka itu sebagai pusat tarikan pelancong termasuk mengadakan pakej memancing, gelanggang sepak takraw dan tempat menaikkan ikan segar.

Beliau ketika ditemui berkata, tetamu dan pelancong di Langkawi Lagoon berpeluang mengikuti cara hidup masyarakat nelayan dan pada masa memberi pengalaman baru kepada mereka yang pertama kali berkunjung di hotel itu.

Selain itu, katanya bagi mereka yang mahu menikmati ikan segar, boleh membeli terus daripada nelayan dan boleh dimasak oleh chef di restoran

seafood Rajawali yang terletak bersebelahan jeti Kuala Sungai Melaka itu.

Satu lagi ciri menarik mengenai hotel itu ialah anda boleh membeli mana-mana unit bilik hotel termasuk villa laut sebagai satu pelaburan jangka panjang. Setiap bilik ditawarkan pada harga yang berdaya saing dan dijamin dari segi pulangan pelaburan.

Ketika ini, 95 peratus daripada 96 unit blok hotel Front Beach sudah dijual pada harga RM300,000 ke atas dan D'Villa sebanyak 70 peratus dijual pada harga RM500,000 ke atas manakala D'Bungalow ialah RM1.4 juta ke atas.

Pelancong ke Langkawi yang berminat untuk menikmati suasana dan keindahan alam semula jadi di Langkawi Lagoon boleh menghubungi hotel berkenaan di talian 04-9558181 atau melayari laman web di www.langkawilagoonresort.com.